

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[DATO' UNDANG MUSA AL-HAJ: HIS CONTRIBUTIONS TO THE PLURAL SOCIETY IN JELEBU, NEGERI SEMBILAN]**

**SUMBANGAN DATO' UNDANG MUSA AL-HAJ KEPADA MASYARAKAT MAJMUK DI JELEBU, NEGERI SEMBILAN**

MUHAMMAD IQBAL HAQ IBRAHIM<sup>1</sup>  
ERMY AZZIATY ROZALI<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: ermy@ukm.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

**Abstract**

Jelebu is one of the district or *luak* located in Negeri Sembilan. Negeri Sembilan is well known with *Adat Perpatih*. Similarly, the Luak Jelebu also practices the unique of Adat Perpatih until today. When we mention about Dato' Undang, this title is part of the *Adat Perpatih* system itself, which specifically in the management or rulling roles. This title is the highest rank only for this four places or *luak* in Negeri Sembilan consists of Jelebu, Rembau, Johol and Sungai Ujong (Seremban). This title is on par with the position of Sultan or Yamtuan Besar Negeri Sembilan (The Grand Ruler of Negeri Sembilan). Hence, Dato' Undang Musa al-Haj, the Fifteenth Dato' Undang for *Luak* Jelebu, is an excellent ruler during his times. He is one of the longest ruler in *Luak* Jelebu for around 34 years. Throughout his leadership, he had contribute a lot of contribution to his plural society. This writing mainly focusing on Dato' Undang Musa al-Haj in *Luak* Jelebu, Negeri Sembilan. This writing based on the historical summary of the position Dato' Undang in *Luak* Jelebu, the appointment of the position Dato' Undang in *Luak* Jelebu, the biography of Dato' Undang Musa al-Haj and his contribution to the plural society in *Luak* Jelebu, Negeri Sembilan.

Keywords: Dato' Undang Musa al-Haj, Jelebu district, *Luak* Jelebu, Negeri Sembilan

**Abstrak**

Jelebu merupakan satu daripada daerah atau luak yang terdapat di Negeri Sembilan. Negeri Sembilan terkenal dengan Adat Perpatihnya. Begitu juga dengan kawasan yang bernamakan Luak Jelebu, masyarakatnya turut mengamalkan Adat Perpatih yang unik sehingga ke hari ini. Apabila menyebut Dato' Undang ini, gelaran tersebut berada bawah sistem Adat Perpatih itu sendiri, lebih spesifiknya dalam bahagian pentadbiran atau pemerintahan. Gelaran ini merupakan jawatan tertinggi hanya bagi empat buah kawasan atau luak di Negeri Sembilan iaitu Jelebu, Rembau,

Johol dan Sungai Ujong (Seremban). Jawatan ini setaraf dengan jawatan sultan atau Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Dalam pada itu, Dato' Undang Musa al-Haj merupakan Dato' Undang Ke-15 bagi Luak Jelebu, merupakan salah seorang pemerintah berwibawa ketika zaman pemerintahan beliau. Beliau merupakan antara pemerintah yang lama memerintah serta mentadbir Luak Jelebu sekitar 34 tahun. Sudah tentu, selama dalam pemerintahan tersebut, banyak sumbangan beliau terhadap masyarakat majmuk di bawah pimpinan beliau. Lantaran itu, penulisan kali ini berkisar Dato' Undang Musa al-Haj di Luak Jelebu, Negeri Sembilan. Penulisan ini bertuntaskan sejarah ikhtisar Luak Jelebu, interpretasi jawatan Dato' Undang di Luak Jelebu, pelantikan Dato' Undang Luak Jelebu, biografi Dato' Undang Musa al-Haj serta sumbangan beliau kepada masyarakat majmuk di Luak Jelebu, Negeri Sembilan.

Kata kunci: Dato' Undang Musa al-Haj, daerah Jelebu, Luak Jelebu, Negeri Sembilan

**Cite as:** Muhammad Iqbal Haq Ibrahim & Ermy Azziaty Rozali. 2021. Sumbangan Dato' Undang Musa al-Haj kepada Masyarakat Majmuk di Jelebu, Negeri Sembilan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 98-118.

## PENGENALAN

Dato' Undang merupakan sebuah gelaran kepada seseorang pemerintah yang memerintah di kawasan tertentu yang terdapat di Negeri Sembilan. Secara spesifiknya, Dato' Undang ini hanya memerintah di kawasan-kawasan berikut iaitu di daerah Jelebu, Sungai Ujong (Seremban), Rembau dan Johol. Dalam pemerintahan ini, kawasan tersebut digelar sebagai luak. Hal ini bermakna, Dato' Undang berempat ini hanya memerintah di luak masing-masing iaitu luak Jelebu, luak Sungai Ujong (Seremban), luak Rembau dan luak Johol sahaja. Ketua luak merupakan Undang. Oleh hal yang demikian, bagi luak atau daerah yang lain, ketuanya bergelar Penghulu. Manakala di Tampin, ketua luak pula bergelar Tengku Besar Tampin. Pemilihan mereka ini mengikut aturan dalam Adat Perpatih secara giliran (Wan Hamdi et al., 2016; Nordin, 1976). Dato' Undang merupakan individu yang bertanggungjawab dalam pemilihan dan pelantikan Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Dalam pada masa yang sama juga, Dato' Undang berempat ini terlibat secara langsung dalam ahli jawatankuasa rayuan negeri. Oleh hal yang demikian, kedudukan Dato' Undang Berempat ini juga setaraf dengan Yamtuan Besar.

Negeri Sembilan secara amnya, manakala di daerah atau luak Jelebu secara khususnya, merupakan kawasan yang mengamalkan sistem federalisme dari sejak pembentukan kawasan itu sendiri sehingga kini. Lantaran itu, permulaan bagi sistem federalisme atau berundang dan berlembaga ini berlaku di Negeri Sembilan setelah kemasukan masyarakat Minangkabau. Sebelum berlaku imigrasi masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan, dalam era Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511), telah bertapaknya segolongan kecil organisasi pentadbiran yang bergantung kepada kerajaan Melaka ketika itu (Gullick, 1970). Golongan pemerintah ketika itu hanya dikenali sebagai penghulu tempatan. Oleh hal yang demikian, kawasan di Jelebu ketika itu, turut digelarkan Dato' Penghulu sebelum peristiwa Pemutus Tali ke Johor, maka barulah penggunaan gelaran Dato' Undang diguna pakai. Walaupun begitu, panggilan Penghulu Luak Jelebu masih digunakan sehingga Dato' Undang Syed Ali al-Jufri memerintah. Hal ini kerana dalam perjanjian Jelebu bertarikh 1886, juga membuktikan bahawa ketika itu, pada cop

mohor Dato' Undang Syed Ali al-Jufri masih ada disebut Penghulu Luak Jelebu. Ini menunjukkan, Dato' Undang yang memerintah sebelum itu, membuktikan kerendahan diri nurani mereka ketika mentadbir sehingga sanggup mengenepikan gelaran Dato' Undang sepatutnya digunakan ketika itu. Setelah Peristiwa Pemutus Tali ke Johor oleh Dato' Moyang Salleh, gelaran Dato' Undang telah digunakan oleh luak yang empat iaitu, Luak Jelebu, Luak Sungai Ujong, Luak Rembau dan Luak Johol (Dharmala, 1994). Di Jelebu, ketika Dato' Undang sabda bertitah, gelaran ‘Kami’ diguna pakai ketika berucap atau bersabda titah.

Sehubungan dengan itu, di daerah atau luak Jelebu, pentadbiran dan pemerintahan yang berkuasa di puncak ialah Dato' Undang Luak Jelebu. Namun begitu, Dato' Undang tidaklah berdiri sendiri dan memerintah secara bersendirian. Beliau turut dibantu para Dato' Lembaga demi melancarkan lagi urusan pentadbiran dan pemerintahan di Jelebu itu sendiri (Ibrahim, 2017). Bak kata, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni. Bulat air dek pembetung, bulat kata dek muafakat. Barulah keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman hidup bermasyarakat dirasai bersama.

Perkara ini dapat diperlihat serta dibuktikan menerusi era pemerintahan Dato' Undang Musa al-Haj (DUMA) ketika itu. Ketika beliau memerintah, rakyat beliau sendiri terdiri daripada masyarakat yang berbilang agama, bangsa, budaya dan sebagainya. Dalam hal ini, pemerintahan beliau termasuklah dalam perbilangan yang dipersiskan sebagai pemerintahan dalam masyarakat majmuk. Menurut istilah *Kamus Dewan* terbitan tahun 2007, masyarakat adalah merujuk kepada kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu) serta melibatkan pergaulan hidup. Majmuk pula boleh diinterpretasikan sebagai penghasilan atau penciptaan sesuatu dengan menyatukan dua atau beberapa bahagian atau unsur, penggabungan unsur-unsur dan sebagainya menjadi satu kesatuan. Oleh itu, masyarakat majmuk boleh diertikan sebagai kumpulan manusia yang hidup di dalam sesebuah kawasan. Mereka ini terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa, budaya dan sebagainya, menetap dan menjalani kehidupan secara aman di kawasan tersebut. Sepanjang era pemerintahan Dato' Undang Musa al-Haj, masyarakat di Jelebu secara holistiknya aman, tenteram, ekonomi baik, pendidikan berjalan lancar, pengamalan agama masing-masing secara damai dan banyak lagi. Mereka bebas melakukan apa-apa sahaja aktiviti, pekerjaan dan lain-lainnya selagi mana tidak melanggar undang-undang dan norma-norma kehidupan masyarakat setempat.

## **SEJARAH RINGKAS LUAK JELEBU, NEGERI SEMBILAN**

Negeri Sembilan terhasil daripada gabungan sembilan buah Luak (satu kawasan yang luas atau daerah yang ditadbir oleh undang atau penghulu) dan kini dianggotai oleh tujuh buah daerah iaitu Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jelebu, Seremban (Sungai Ujong), Port Dickson dan Jempol. Negeri Sembilan lebih dikenali sebagai negeri adat kerana Adat Perpatih (suatu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat, bernegara dan dikawal oleh peraturan-peraturan dalam kehidupan seharian), dibawa oleh masyarakat Minangkabau (Abdul Samad, 1974). Mereka ini merupakan antara kelompok awal yang meneroka tanah di negeri tersebut dan Adat Perpatih telah menjadi pegangan yang kukuh dalam kalangan masyarakat.

Dalam sebuah bukunya bertajuk *Notes on Negeri Sembilan: Papers on Malay Subject*, hasil karya Wilkinson (1971) menyatakan bahawa Johol dikeluarkan dan digantikan dengan Inas. Seterusnya Nathan dan Winstedt telah mengubah kepada Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Naning, Kelang, Segamat, Pasir Besar (sekarang Johol), Jelai (sekarang Inas) dan Ulu Pahang (daerah antara Ulu Serting dan Temerloh). Kewujudan pelbagai tanggapan mengenai bilangan daerah dalam gabungan Negeri Sembilan itu mungkin disebabkan tidak wujud satu sumber sejarah yang dapat menggambarkan dengan terperinci mengenai sejarah Negeri Sembilan (Wan Hamdi et al., 2016).

Selanjutnya, jika dilihat menerusi sebuah buku yang bertajuk *Sistem Sosial Adat Perpatih*, hasil karya Nordin (1982) menjelaskan bahawa wujud pelbagai tanggapan yang berbeza mengenai bilangan luak atau daerah di Negeri Sembilan. Ada tanggapan menyatakan bilangan luak di Negeri Sembilan terdiri daripada 14 luak, iaitu Seri Menanti, Tampin, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Ayer Kuning dan Linggi. Bagi pandangan Newbold (1971) pula, di dalam buku bertajuk *British Settlements in The Straits of Malacca*, menyatakan bahawa Negeri Sembilan meliputi daerah-daerah seperti Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Ulu Pahang dan Jelai. Negeri Sembilan bergabung sebagai satu unit dan uniknya politik pada tahun 1773 apabila Raja Melewar, seorang putera dari Minangkabau, Pagar Ruyong dijemput menjadi pemerintah dengan gelaran Yamtuan Besar dan mengasaskan kerajaan di Negeri Sembilan (Nordin, 1982). Sistem federalisme di Negeri Sembilan diperkuatkan lagi dengan hujah oleh Shamsul Amri Baharuddin (2 Disember 2014) dalam pembentangan pertama bagi Mesyuarat 50 tahun Persekutuan Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan. Beliau menyatakan sistem federalisme di Negeri Sembilan telah wujud sebelum kedatangan British di Tanah Melayu. Sistem federalisme di Negeri Sembilan bermula pada tahun 1773 berbanding dengan Amerika Syarikat pada tahun 1776.

Seterusnya, terdapat beberapa sejarawan berpandangan, nama Negeri Sembilan mulai digunakan sekitar tahun 1773, setelah Raja Melewar dari Pagar Ruyong ditabalkan menjadi Yamtuan Besar di Negeri Sembilan. Pada peringkat awalnya, Negeri Sembilan bukan merupakan kesatuan Negeri Sembilan yang utuh seperti sekarang. Ketika itu Negeri Sembilan hanya merupakan beberapa buah daerah kecil yang terdiri daripada gabungan sembilan buah daerah, serta mempunyai pembesar-pembesarnya sendiri. Pada masa itu, Negeri Sembilan adalah gabungan dari Sungai Ujong (Seremban), Jelebu, Johol, Rembau, Jelai, Kelang (Klang), Naning, Segamat dan Ulu Pahang. Kemudian, sekitar tahun 1780an, Belanda telah menawan Naning manakala Bugis pula menguasai Kelang (Klang), Kerajaan Johor menduduki Segamat dan pemerintah Pahang menguasai Ulu Pahang (Abdul Samad, 1968).

Sebelum setiap daerah di Negeri Sembilan digabungkan, pemerintahan kawasan di setiap daerah tersebut telah ditadbir oleh pemerintahan atau wakil Sultan Melaka. Sekitar tahun 1511, Melaka telah ditawan Portugis, manakala Negeri Sembilan diperintah pula oleh Kesultanan Johor. Pemerintahan di setiap daerah di Negeri Sembilan ditadbir oleh seorang ketua yang dipanggil Penghulu Luak. Setelah itu, dalam kalangan Penghulu digantikan dengan gelaran Undang mengikut kawasan tertentu. Setiap Undang Luak mempunyai kuasa pemerintahan tersendiri yang dibantu oleh Datuk-datuk Lembaga, Buapak (Ketua Perut yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan perselisihan faham dalam Perut dibawah jagaannya) (*Kamus Dewan*, 2007) dan Waris yang telah ditetapkan di dalam sistem Adat Perpatih tersebut.

Para Undang di setiap Luak ini telah diberi kuasa dan cop mohor oleh Sultan Johor (Buyong, 1981).

Sekitar tahun 1760, Kesultanan Johor menghadapi perperangan dengan pihak Belanda yang mengakibatkan kedudukan Sultan Johor tergugat. Selain itu juga, serangan daripada pihak Aceh dan Bugis telah merumitkan lagi keadaan ketika itu. Bangsa Bugis telah mengambil kesempatan untuk mencampuri isu politik dengan Kesultanan Johor yang ditimbulkan oleh wakil Bugis iaitu Daeng Kemboja. Beliau telah memaksa masyarakat Negeri Sembilan supaya tunduk dan patuh kepada mereka (Abdul Samad, 1968). Akan tetapi, masyarakat di Negeri Sembilan telah menolak paksaan tersebut. Akibat kelemahan Kesultanan Johor telah menjadikan kawalan di Negeri Sembilan semakin longgar dan Sultan Johor telah mengarahkan masyarakat Negeri Sembilan supaya mencari seorang raja yang berasal dari Minangkabau untuk memulihkan kembali keadaan di Negeri Sembilan.

Menurut artikel karangan Lewis bertajuk, *Inas: A Study of Local History* (1960), turut menyatakan di peringkat awalnya, Sultan Abdul Jalil Shah yang merupakan penaung kepada daerah-daerah yang merangkumi Negeri Sembilan telah melantik Daeng Kemboja (putera Bugis) sebagai ketua mereka (masyarakat Negeri Sembilan). Walau bagaimanapun, pemerintahannya tidak diperakui oleh Penghulu dari Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Hulu Muar. Dengan bantuan Belanda dan persetujuan Sultan Johor mereka telah meminta seorang putera dari Minangkabau untuk menjadi ketua mereka. Pada ketika itu, penghulu-penghulu dari empat daerah yang utama iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Hulu Muar telah mengundang seorang putera dari Pagar Ruyung untuk memulihkan keamanan dalam daerah-daerah di Negeri Sembilan.

Walaupun beberapa orang telah diterima sebagai pemimpin, namun mereka tidak cukup syarat untuk menjadi pemimpin dalam menyatukan daerah-daerah kecil sehingga berlaku Perang Saudara pada pertengahan kurun ke-18M di antara Raja Melewar dengan Daeng Kemboja. Dalam pertempuran tersebut menyebabkan Daeng Kemboja iaitu putera Bugis telah tewas dan berundur ke Riau dan menghabiskan sisa hidupnya hingga akhir hayat. Selepas perperangan tersebut, Raja Melewar telah ditabah sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1773. Pada masa yang sama, Sultan Abdul Jalil juga telah mengumumkan bahawa keempat-empat penghulu dari Sungai Ujong, Johol, Naning dan Jelebu tidak lagi berada di bawah naungan kekuasaan baginda. Kemudian, baginda telah memindahkan kekuasaan tersebut kepada Raja Minangkabau iaitu Raja Melewar. Lantaran itu, berakhirlah hubungan di antara Negeri Sembilan dan Johor yang telah terjalin sejak pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Daerah atau luak Jelebu yang wujud pada hari ini merupakan salah sebuah pentadbiran bawah kerajaan Negeri Sembilan. Selain itu, daerah Jelebu juga merupakan salah sebuah daripada empat buah luak (daerah) politik tradisi yang perdana di samping Sungai Ujong, Rembau dan Johol. Ini bermakna, keempat-empat luak ini dengan rasminya masih mengekalkan ‘Adat Perpatih’. Kajian Khairudin (1985) menyatakan sistem ini sebenarnya berasal dari Sumatera dan sistem ini dibawa oleh mereka yang berimigrasi dari Minangkabau. Sebenarnya, tarikh yang tepat berkaitan kehadiran penghijrah-penghijrah Minangkabau ini ke Negeri Sembilan adalah selari dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Ditambah pula dengan deskriptif daripada Ibrahim (1981), ada menyatakan bahawa imigrasi anak jati dari Minangkabau ini adalah secara berperingkat-peringkat dengan rombongan masing-masing

melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai lain di pesisiran Selat Melaka lalu masuk ke daerah-daerah pedalaman di Tanah Melayu.

## **INTERPRETASI JAWATAN DATO' UNDANG DI LUAK JELEBU**

Pemilihan dan pelantikan Undang ini pada dasarnya haruslah dilaksanakan dan dijalankan oleh Buapak dan Lembaga dalam sukunya sendiri. Perkara ini disebut dalam artikel Hooker (1968) yang bertajuk, *The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State* menyatakan bahawa Dato' Undang dipilih daripada anggota suku khas untuk memerintah dalam luak. Pelantikan ini seterusnya diperkenankan oleh Lembaga dari suku-suku yang bersekutu dalam luak. Lembaga dan wakil dari suku-suku itulah yang memberi kata putus dan keputusan muktamad sama ada individu itu diterima atau tidak untuk menyandang jawatan Undang tersebut. Undang ini hanya boleh dipecat oleh anak-anak buahnya yang terdiri juga daripada Ibu Soko, Lembaganya, yang hanya daripada jurai dan juak keturunannya sahaja. Dato' Undang ini boleh dipecat daripada jawatannya apabila melanggar batas-batas kesopanan dan kesusilaan, undang-undang adat dan undang-undang sivil mahupun undang-undang syariah yang berat atau besar. Dato' Undang haruslah melaksanakan tugasnya dengan berunding dengan Lembaga-lembaga di dalam luaknya terhadap sesuatu isu yang hendak dibincangkan.

Sekiranya seseorang Undang itu meninggal dunia, penggantinya perlu dilantik sebelum jenazahnya dikebumikan pada dasarnya. Jenazahnya hendaklah dikebumikan oleh Undang yang baru, dengan mengikut peribidalan kata adat, ‘Bertanam Undang dan Undang menanamkan’. Sementara jenazah Undang berada di Balai Undang, kuasa undang dipegang sementara oleh Dato' Mendelika atau Dato' Niko Menteri (seandainya di Jelebu), dengan tujuan menguruskan pelantikan Dato' Undang yang baru bagi melaksanakan pengurusan dan pengkebumian jenazah Undang yang meninggal dunia. Gelaran penyandang sementara Dato' Undang ialah Dato' Lembaga yang paling kanan iaitu Dato' (Mendelika/Mendiko, Niko) Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari. Gelara ini digunakan ketika jawatan Undang belum diisi. Sekiranya jawatan Undang telah diisi, gelaran Dato' Menteri di Jelebu, menjadi, Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Pohon Adat Luak Jelebu (Muhammad Iqbal Haq, 2017; Wan Hamdi et al., 2016; Ibrahim, 2015).

Misran (1990a) dalam buku bertajuk, *Institusi Dato' Bandar Sungai Ujong: Analisa Terhadap Krisis Pelantikan* menegaskan bahawa Luak Sungai Ujong dan Luak Johol dikenali sebagai Luak Waris Berundang yang bermakna hak untuk melantik Undang terletak di tangan waris. Bagi Luak Jelebu dan Luak Rembau pula dikenali sebagai Luak Undang berlembaga iaitu Lembaga berkuasa mutlak dalam pemilihan serta pelantikan Undang. Dato' Undang Sungai Ujong bergelar Dato' Kelana Petra serta dianggap sebagai ketua kepada Undang yang empat (setelah kehadiran British sehingga kini). Sebelum kehadiran British, Dato' Undang Jelebu merupakan ketua kepada Undang yang empat seperti yang boleh dilihat dalam manuskrip lama dan penulisan sejarah ‘Putus Tali ke Johor’ (ARN/5, Sejarah Raja-Raja dan Adat Istiadat N.S, KNS 929.7095 95117 SEJ). Apabila Dato' Undang Jelebu tidak mengiktiraf campur tangan British di Tanah Melayu, makanya, pihak British ketika itu, mengiktiraf Dato' Undang Sungai Ujong sebagai ketua Undang yang empat sehingga kemerdekaan Tanah Melayu serta sehingga kini (Ibrahim, 2017; Wan Hamdi et al., 2016; Misran, 1990a; Misran, 1990b).

Menurut Abdul Ghani (1964), dalam sebuah perbidalan adat menyatakan bahawa status institusi Undang Luak Jelebu turut terdapat dalam ungkapan, ‘sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang’. Lantas, perkara ini membuktikan bahawa perbidalan ini mempunyai signifikan makna tersendiri. Masyarakat tempatan mempercayai bahawa Undang itu mempunyai ‘andika’ yang membawa erti seakan daulat. Namun penggunaan daulat ini hanyalah kepada golongan raja dan seangkatan dengannya, oleh itu, ‘andika’ ini hanyalah kepada Undang sahaja. Tetapi, perkara ini tidaklah menjadi isu yang perlu dibahaskan secara mendalam Walau bagaimanapun, perkara ini tetap menjadi suatu simbolik kepada rakyat dalam ketaatan terhadap pemerintah sebagai mana daulat untuk raja, begitulah juga simbolik andika ini kepada Undang.

Selanjutnya, menurut catatan Khairudin (1985) pula, institusi Undang Luak Jelebu telah wujud lebih dari beberapa abad kira-kira sekitar tahun 1757. Sebelum tahun tersebut, kawasan seperti Jelebu, Johol, Sungai Ujong dan Rembau berada bawah pemerintahan Johor. Dalam lipatan sejarah, sekitar tahun 1757 ini merupakan titik tolak kepada kawasan Jelebu merdeka daripada pemerintahan Johor sehingga Jelebu berjaya membentuk kerajaan sendiri yang merdeka dan diperintah waktu itu oleh Dato’ Moyang Salleh, telah berjaya menyusun institusi Undang Jelebu yang baik dan lancar. Perkara ini turut menjadi kebanggaan masyarakat glokal Jelebu hingga ke hari ini. Perkara ini turut menjadi ikutan dan rujukan kepada kawasan berikutnya pula iaitu Rembau, Sungai Ujong serta Johol (Ibrahim, 2017).

Ditambah pula dengan pendapat Abu Zarin (2017), tokoh yang mengasaskan institusi Undang Jelebu ini bernama Moyang Salleh. Beliau ini banyak memainkan peranan penting dalam usaha untuk membebaskan Jelebu daripada kekuasaan Johor ketika itu. Pemerintah Johor ketika itu ialah Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah. Baginda merupakan sultan yang zalim kepada rakyatnya persis Sultan Mahmud ‘Mangkat Dijulang’. Dato’ Moyang Salleh ini merupakan pengasas institusi Undang Jelebu yang dianggap penting dalam lipatan sejarah terutamanya dalam catatan sejarah di Jelebu. Maka terdapat iktisaran ringkas secara tuntas berkaitan dengan Dato’ Moyang Salleh ini dengan peristiwa ‘Pemutusan Tali ke Johor’ turut diperjelaskan dalam kajian ini. Peristiwa ‘Pemutusan Tali ke Johor’ ini merupakan satu istilah khusus yang digunakan bagi menggambarkan bagaimana kawasan Jelebu ini mendapat kemerdekaan daripada pemerintah Johor ketika itu, Sultan Abdul Jalil (Ibrahim, 2017).

Menurut penulisan Caldecott (1912a; 1912b), Dato’ Moyang Salleh telah memerintah Jelebu setelah beliau mengantikan To’ Mentunggang iaitu pemerintah Jelebu pada sebelumnya. To’ Mentunggang meninggal dunia lalu digantikan oleh Dato’ Moyang Salleh sebagai waris tempatan yang memerintah daerah Jelebu yang sah. Pada zaman inilah berlakunya peristiwa ‘Pemutusan Tali ke Johor’. Pada dasarnya, gelaran Dato’ Moyang Salleh adalah Orang Kaya Jelebu iaitu pembesar kawasan jajahan bawah kesultanan Johor, ditadbir oleh Sultan Abdul Jalil. Peristiwa tersebut berlaku kira-kira sekitar tahun 1757. Dinyatakan bahawa Sultan Johor ketika itu mempunyai sifat yang tamak, zalim serta rakus.

Sebarang kehendak Sultan Abdul Jalil (Sultan Johor ketika itu), mesti dipenuhi. Begitulah yang berlaku pada masa tersebut. Sultan Johor ketika itu berkeinginan kepada Sri Banun merupakan tunang kepada Si Amat, anak Orang Kaya Rembau (Undang Rembau), namun permintaan tersebut ditolak sendiri oleh Sri Banun. Untuk kepastian berkaitan akan hal ini, Sultan Johor telah memanggil sendiri Si Amat untuk datang mengadap baginda di istana. Setelah diminta penjelasan berkaitan dengan hajat baginda itu, hajat baginda itu tidak

diperkenankan, lalu baginda berasa murka (Ibrahim, 2017). Baginda sendiri telah mengambil tindakan dengan menjatuhi Si Amat hukuman mati.

Kemudian, berita berkaitan dengan kematian anakanda kepada Undang Rembau ketika itu sampai ke telinga Undang Rembau sendiri. Apabila Undang Rembau menerima berita dukacita tersebut, maka, Undang Rembau mengadukan akan hal tersebut kepada Undang Johol, Undang Sungai Ujong serta Undang Jelebu. Undang Rembau, Undang Sungai Ujong serta Undang Johol telah datang bertemu dengan Dato' Moyang Salleh untuk mengadukan hal berkenaan kepada Dato' Moyang Salleh (Ibrahim, 2017). Para Dato' Undang telah bersidang di Jelebu demi mendapatkan ‘buah fikiran’ dalam menyelesaikan hal tersebut. Dalam keempat-empat Dato' Undang tersebut, Dato' Moyang Salleh, adalah yang paling mereka hormati dan segani. Dato' Moyang Salleh juga dikatakan mempunyai kewibawaan dalam memimpin. Dato' Moyang Salleh tidak suka menumpahkan darah, beliau lebih suka menyelesaikan sebarang masalah melalui perbincangan serta rundingan yang baik. Makanya, ketiga-tiga Dato' Undang bersepakat bahawa rundingan tersebut diberikan kepada Dato' Moyang Salleh untuk berbincang dengan Sultan Johor ketika itu.

Pada dasarnya, Dato' Moyang Salleh mempunyai sifat keperibadian yang suka merendah diri. Beliau tidak suka ‘menunjuk-nunjuk’ dan akan bertindak apabila betul-betul tiba pada masanya (Ibrahim, 2017). Dinyatakan bahawa beliau dengan sifat tawaduknya, meminta izin daripada setiap Dato' Undang untuk melaksanakan amanat tersebut dengan sebaik mungkin. Para Dato' Undang menunggu Dato' Moyang Salleh di Jelebu sehingga ke pulangan beliau daripada mengadap Sultan Johor selesai. Kemudian, Dato' Moyang Salleh bersama empat orang sahabat beliau berangkat ke Johor dengan menaiki sebuah kapal. Keempat-empat orang pengiring Dato' Moyang Salleh merupakan mereka yang bukan calang-calang orangnya. Mereka ini terdiri daripada pahlawan yang mempunyai kehebatan dan kesaktian tersendiri. Mereka yang mengiringi Dato' Moyang Salleh ini terdiri daripada To' Bauk, To' Laut Api, To' Beruang Hitam serta To' Gagah Lela Perkasa.

Menurut Buyong (1981), peristiwa sedih yang diadukan oleh Undang Rembau kepada Dato' Moyang Salleh itu sepatutnya belaku seperti dalam perbincangan terdahulu, namun, tidak berlaku sedemikian rupa. Beliau sangat marah serta berpendapat Sultan Johor tidak sepatutnya melakukan tindakan yang sebegitu kejam sekali. Lantaran itu, beliau berharap sangat perkara ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Apabila rombongan Dato' Moyang Salleh tiba di Johor, kehadiran mereka seperti tidak dilayan, bahkan turut dihalau. Namun, Dato' Moyang Salleh menggunakan kebijaksanaan beliau dalam berbicara, lantas, rombongan beliau dibawa masuk ke halaman istana. Di halaman istana itu, mereka dibiarkan berjemur tanpa diberikan layanan yang baik. Namun, Dato' Moyang Salleh tetap menunggu dengan penuh kesabaran. Pengiring Dato' Moyang Salleh sudah tidak dapat menahan kesabaran mereka, lalu mengeluarkan kehebatan masing-masing sehingga keadaan di istana heboh dan hal yang berlaku telah menarik perhatian Sultan Johor ketika itu.

Setelah menyaksikan kejadian tersebut, rombongan Dato' Moyang Salleh dibenarkan masuk mengadap sultan dalam istana (Ibrahim, 2017). Setelah berdepan dengan sultan, Dato' Moyang Salleh pun menyatakan ingin menuntut ‘bebas’ daripada sultan Johor kerana kezaliman sultan kepada tanah jajahan baginda yang selama ini membayar ufti sebagai tanda taat kepada sultan. Namun, oleh sebab kezaliman yang dilakukan Sultan Johor itulah, Dato' Moyang Salleh benar-benar meminta kepada sultan agar Jelebu merdeka dan tidak lagi berada

bawah naungan Johor. Sultan Johor ketika itu memperkenankan permintaan tersebut serta menganugerahkan cop mohor kepada Dato' Moyang Salleh sebagai pemerintah jajahan Bergajah Tunggal. Gelaran yang diberi kepada pemerintah Jelebu ialah Dato' Mendelika Akhirulzaman Sultan Jelebu. Namun, gelaran ‘Sultan Jelebu’ ini tidak pernah dipakai pun Dato' Moyang Salleh serta generasi seterusnya. Kemudian, rombongan Dato' Moyang Salleh telah pulang ke Jelebu. Selepas itu, Dato' Moyang Salleh mula menyusun institusi Undang Luak Jelebu bersama-sama Dato'-dato' Lembaga yang lain supaya pemerintahan di Jelebu berjalan lancar. Rentetan dari peristiwa kemerdekaan Jelebu itu, Rembau, Sungai Ujong dan Johol pula memperolehi kemerdekaan selepas itu daripada Johor.

Selanjutnya, menurut Ibrahim (2007a) lagi, Dato' Moyang Salleh adalah tokoh pertama bergelar Dato' Mendelika Menteri Akhirulzaman, Sultan Jelebu sekitar tahun 1757. Ayahanda beliau ialah Dato' Mentunggang, manakala datuk beliau ialah Dato' Gombak hanyalah menjadi Penghulu Luak sahaja sebelumnya di Jelebu. Apabila Dato' Moyang Salleh balik dari misi memutuskan tali ke Johor, beliau telah menyusun pemerintahannya beliau dengan lebih teratur. Lantaran itu, bermulalah Jelebu berkerajaan sendiri serta membawa kepada perkembangan Undang Luak Jelebu itu sendiri.

## **PELANTIKAN DATO' UNDANG LUAK JELEBU**

Dato' Undang merupakan pemerintah yang dikhususkan untuk menjadi pemerintah di Luak-luak seperti Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Johol dan Luak Rembau. Pemilihan Dato' Undang ini mengikut penentuan Adat Perpatih iaitu secara bergilir-gilir. Tugas Dato' Undang selain melantik Yamtuan Besar Negeri Sembilan itu sendiri, beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Rayuan Negeri (Nordin, 1976). Kedudukan Undang setaraf dengan Yamtuan Besar. Ketua Luak yang empat tersebut merupakan Undang. Lantaran itu, di Negeri Sembilan, empat Luak yang diutamakan iaitu Luak Jelebu, Luak Johol, Luak Rembau dan Luak Sungai Ujong. Bagi Luak lain atau pun daerah lain, ketuanya digelar sebagai Penghulu manakala satu Luak lagi digelar Tengku Besar Tampin.

Terdapat dalam sebuah perbidaian adat, menyatakan seperti berikut, ‘Sah raja dikerjan, Sah Undang ditabal’. Oleh itu, Apabila seseorang Undang itu telah dilantik menyandang pusaka itu, maka lantikan itu belumlah cukup sah (dalam erti kata lainnya) selagi istiadat tabalnya belum dijalankan. Hal ini adalah mengikut adat istiadat turun temurun yang telah diamalkan. Istiadat tabal ini adalah sebagai penerimaan dan pengesahan lantikan daripada seluruh penduduk luak itu tetapi lantikan beliau cuma daripada golongan tertentu sahaja (Abdul Ghani, 1959). Oleh itu, istiadat tabal tersebut adalah mustahak untuk memutuskan bahawa lantikan itu adalah muktamad dan tidak boleh disangkal lagi melainkan jika orang yang menyandang pusaka itu melanggar tatatertib adat. Setelah diadakan istiadat tabal itu, maka, orang yang dipilih untuk menyandang pusaka itu akan menjadi Undang yang sah bagi Luak tersebut.

Menurut Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994), berkaitan dengan Dato' Undang ini mempunyai penjelasannya dalam Undang-undang Dasar sebagaimana berikut:

- (1) Undang: Mempunyai kuasa tertinggi dan dapat menjatuhkan sebarang hukuman kepada rakyat setelah dirujuk kepada Lembaga Delapan. Beliau mempunyai balai dan juak-juak sendiri.

Di samping itu, menurut Ibrahim (2015), kuasa Dato' Undang Luak ada dinyatakan dalam ungkapan adat yang indah bersulam kata seperti berikut:

Sekecil-kecil anak buah,  
Sebesar-besar Undang,  
Tida sesiapa pun yang boleh mengatasi kuasa Undang di Luak Jelebu,  
Hidup matinya adalah kepada Undang.

Oleh hal yang demikian, dengan kebulatan Lembaga yang Lapan, seseorang pesalah boleh dihukum bunuh atau pun sebaliknya. Beliau mempunyai kebesaran, kekuatan, kekuasaan dan terdapat juga Mahkamah Keadilan Adatnya sendiri yang dijalankan di Balai Nan Panjang. Seperti juga perbedaan adat berikut, ‘adat beratur, bilang tertentu’.

Sebagai penjelasan yang lebih tuntas berkaitan Dato' Undang Luak Jelebu ini, catatan Ibrahim (2015) turut menyatakan Dato' Moyang Salleh adalah tokoh pertama bergelar Dato' Mendelika Menteri Akhirulzaman, Sultan Jelebu (1757). Ayahandanya Dato' Mentunggang, manakala nendanya ialah Dato' Gombak hanya sebagai Penghulu Luak sahaja. Apabila Dato' Moyang Salleh balik dari misi memutuskan tali ke Johor, beliau telah menyusun pemerintahan dengan lebih teratur. Walaupun Dato' Moyang Salleh ditawarkan menjadi Sultan Jelebu oleh Sultan Johor, tetapi beliau menolaknya dengan alasan beliau sedar bukan dari keturunan raja. Dato' Moyang Salleh telah menyusun peraturan pembahagian atau giliran warisnya kepada ‘Tiga’:

1. Waris Ulu Jelebu: merangkumi Ulu Jelebu, Langkap dan Jenam Anak Sungai Jelebu.
2. Waris Sarin: Sungai Sarin, Sungai Pah dan Sungai Relai bersatu dengan Sungai Teriang selepas tiga batu ke hilir Kuala Jelebu.
3. Waris Kemin: Meliputi tempat yang bernama Kemin dua batu ke hulu Sungai Klawang dari Kuala Jelebu dan juga tanah berdekatan Sungai Teriang suku batu kiri kanan Kampung Bemban, Mentaus.

Sehubungan dengan itu, tanah yang menjadi milik kepada ketiga-tiga Waris Berundang ini hanyalah lurah-lurah kecil yang didiami oleh waris mereka yang sesuai dengan perbilangan adat seperti berikut, ‘Tanah sawah yang berjenjang, Lembaga yang punya’.

Menurut Ibrahim (2015) lagi, sementara Waris Menteri dan Ombi pula berlainan. Tanah mereka bukan di lurah tetapi di banjaran bukit-bukit. Waris Menteri memiliki tanah di Bukit Kundek, Bukit Buai dan Permatang Galengga, termasuk dua batang sungai, iaitu Sungai Lemi dan Sungai Kenaboi. Seterusnya, kawasan tanah milik Waris Ombi ialah Bukit Gubang Gabing, Bangkang Gading, Lebah Bergoyang, Moyang Kaban, Mempelas, Sungai Tinggi dan Glami. Bukit Kundek terletak di Ulu Kenaboi dan Bukit Lebah Bergoyang terletak di Ulu Teriang berdekatan Gapau. Bukit ini dengan lurahnya termasuk ke dalam Luak Jelebu di Utara Sungai Teriang.

Dato' Undang dipilih daripada anggota suku khas yang memerintah dalam Luak seperti mana diketengahkan oleh (Hooker, 1968). Sejajar dengan itu, pemilihan seorang Undang pada mulanya haruslah dijalankan oleh Ibu Soko, Buapak dan Lembaga dalam sukunya sendiri. Setelah itu, pelantikan itu seterusnya diperkenankan oleh Lembaga dari suku-suku yang

bersekutu dalam Luak tersebut. Para Lembaga dan wakil dari suku itulah yang memberi keputusan muktamad sama ada seseorang itu diterima atau sebaliknya untuk menjadi Undang. Sementara itu, Undang boleh dipecat dari jawatan tersebut sekiranya terdapat perlanggaran batas-batas kesopanan dan kesusilaan. Lantaran itulah, seseorang Undang itu mestilah menjalankan tugasnya dengan berunding bersama-sama Lembaga-lembaga di dalam Luaknya terhadap sesuatu isu yang hendak dibincangkan.

Sehubungan dengan itu, dalam memperkuatkan fakta tersebut, catatan Ibrahim (2015) juga ada menyatakan, “sekiranya seseorang Undang itu meninggal dunia, pengantinya haruslah dilantik sebelum jenazahnya dikebumikan. Jenazah Undang tersebut hendaklah dikebumikan oleh Undang yang baru. Bak kata, bertanam Undang dan Undang menanamkan. Sementara jenazah Undang berada di Balai Undang, kuasa Undang dipegang sementara oleh Dato’ Mendelika atau Dato’ Niko Menteri untuk menguruskan pelantikan Undang yang baru bagi melaksanakan pengkebumian jenazah Undang yang sudah meninggal dunia”. Izharnya, begitulah sistem Undang yang dilaksanakan sebagaimana pelaksanaannya mengikut Adat Perpatih yang sebenarnya.

Di samping itu juga, Undang Luak Jelebu merupakan kuasa tertinggi di luaknya. Bak kata perbidalan adat, sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang. Oleh yang demikian, segala perintah Undang ini dianggap sebagai sabda. Lantaran itu, sistem pemerintahan dalam Adat Perpatih di Jelebu khususnya meletakkan Undang sebagai ketua dalam segala aspek kehidupan termasuklah dalam bahagian agama dan adat (Abu Zarin, 2017). Sebagai ketua turus agama Islam, hal pentadbiran agama ini mengikut budi bicara beliau juga. Beliau juga sendiri melantik ‘Kadi’ dalam Luaknya. Namun demikian, terdapat juga lantikan ‘Kadi’ daripada kerajaan dan bukannya Undang untuk sesbuah kawasan tersebut. Peranan ‘Kadi’ ini juga sebagai penasihat agama kepada pemerintah tempatan, bukanlah berkaitan hal-hal nikah, cerai dan rujuk sahaja.

Selain itu, Undang juga merupakan ketua adat. Sebagai ketua adat, Undang bertanggungjawab dalam menguatkuaskan adat agar adat ini dipatuhi oleh semua anak buah dalam Luak beliau (Ibrahim, 2017). Dalam penguatkuasaan adat, Undang berperanan sebagai hakim dan bidang kuasa beliau sungguh luas. Lantaran itu terdapat kata-kata adat seperti berikut:

Boleh menghitam dan memutihkan,  
Boleh memanjang dan memendekkan,  
Boleh mengesah dan membatalkan.

Terdapat beberapa kesalahan yang diertikan sebagai ‘pantang Undang’, iaitu seperti derhaka, salah guna kuasa oleh lembaga, membunuh orang, dan lain-lain lagi kesalahan yang dianggap berat dan besar. Oleh itu, hanya Undang sahaja boleh mengadili kesalahan seperti itu. Undang boleh menjatuhkan hukuman seperti hukuman mati, buang negeri, pemecatan jawatan adat dan denda berbentuk bayaran ke atas kesalahan yang telah dilakukan. Walaupun begitu, Undang turut dibantu ‘Jemaah Adat’ yang terdiri daripada Dato’-dato’ Lembaga bagi menyelesaikan beberapa permasalahan, kesalahan dan penyelesaian permasalahan tersebut.

Oleh demikian, ‘Jemaah Adat’ yang diterajui ‘Ketua Waris yang Tiga’, iaitu Waris-waris suku Biduanda yang boleh mencalonkan Undang yang berperanan dalam hal-hal yang berlaku untuk Undang membuat sebarang keputusan. Dalam membuat atau memutuskan

sebarang keputusan, Undang mestilah berunding terlebih dahulu dengan ‘Ketua Waris yang Tiga’ (Ibrahim 2017). Oleh itu, sesualiah dengan perbilangan adat yang menyatakan:

Sah betul surut lalu Undang kepada warisnya,  
Hidup mati Undang,  
Gemuk berpupuk,  
Segar bersiram kepada warisnya.

Jadi dapatlah dinyatakan bahawa walaupun Undang itu mempunyai kuasa yang luas, namun, Undang juga tidak boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya. Oleh sebab itulah, Undang juga turut dianggap sebagai pemerintah yang berpelembagaan.

## BIOGRAFI DATO' UNDANG MUSA AL-HAJ

Almarhum Yang Amat Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Musa bin Wahab, merupakan Undang Luak Jelebu ke-15. Menurut Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994), Dato' Undang Musa bin Wahab dilahirkan pada 4 September 1937 di Kuala Klawang. Beliau berasal dari suku Biduanda Waris Berundang Perut Sarin. Beliau mangkat pada 11 September 2014 (*Utusan Malaysia*, 2016). Beliau dihantar untuk belajar ke Sekolah Menengah Peradong sekitar tahun 1947. Sekolah Menengah Kampai sekitar tahun 1953, Darjah 7. Kemudiannya, Beliau melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris ketika itu sekitar tahun 1954-1956.

Selepas itu, Dato' Undang Musa bertugas di Sekolah Menengah Teriang, Jelebu dan hampir ke semua sekolah menengah di Jelebu sehinggalah tahun 1966. Bertepatan dengan kenyataan Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) lagi, Dato' Undang Musa merupakan lulusan *LCE* dari Sekolah Lanjutan Undang Jelebu sekitar tahun 1960. Kemudianya, memperoleh *Cambridge Scholl Certificate* sekitar tahun 1962, lalu belajar secara pos dengan *Stamford College*, Singapura dan Maktab Wolsey Hell, Oxford, Malaya dalam bidang Sejarah dan Pengajian Melayu. Beliau juga merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.) sekitar tahun 1970 dalam bidang yang sama. Beliau sempat berkhidmat sebagai guru berijazah bertugas di Maktab Tengku Kurshiah, Seremban. Pada tahun 1970, beliau mengikuti kursus *Diploma in Education* di Universiti Malaya pula.

Catatan daripada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) lagi, Dato' Undang Musa, pernah menjawat jawatan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Port Dickson sekitar tahun 1972, kemudian bertukar ke Sekolah Menengah Undang Jelebu tahun 1977-1980. Seterusnya, beliau mendaftarkan diri ke Universiti Malaya untuk mengikuti Sarjana Pendidikan (*M.Ed.*), sekitar tahun 1974 serta kursus bertulis di Universiti London dalam bidang Undang-Undang (*LLB*), namun sempat sehingga *M. Ed. (Part 1)* dan *LLB (Intermidiate)*. Beliau juga pernah mewakili Persatuan Islam Universiti Malaya melawat Indonesia sekitar tahun 1969. Ketika beliau berada di sana, beliau sempat melawat enam buah bandar besar di Pulau Jawa, universiti-universiti dan Bali.

Data daripada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) menyatakan bahawa semasa beliau menjadi Pengetua, beliau mengikuti lawatan sambil belajar anjuran Yayasan Jepun dan Kementerian Pelajaran Malaysia ke Jepun sekitar tahun 1973. Beliau juga

sempat singgah di Taipei, Hong Kong dan Bangkok. Menyertai projek lawatan sambil belajar ke Sarawak sekitar tahun 1974. Di samping itu juga, beliau juga turut menghadiri Persidangan *Commonwealth Education Administrators* di Pulau Pinang.

Selain itu, menurut Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) juga, beliau turut menghadiri Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah peringkat Persekutuan di Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu dan Kota Bharu. Beliau juga berpeluang mengikuti Kursus dalam Perkhidmatan, Pentadbiran Moden di RESCAM, Pulau Pinang dan *Guidance and Counselling* di Kuala Lumpur.

Seterusnya, menurut Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) juga, Dato' Undang Musa juga pernah dilantik sebagai Pengurus UMNO Cawangan Jelin, Biro Pendidikan/Agama UMNO Bahagian Jelebu. Beliau juga turut menjadi Jawatankuasa UMNO Bahagian Jelebu dan Pengurus Kebudayaan (PERKESAPP) Negeri Sembilan. Selanjutnya, beliau turut sempat menjadi Ahli Jawatankuasa Pengakap Daerah Jelebu, Pengurus MSSD Jelebu dan Ahli Jawatankuasa PEMADAM Daerah. Semasa berkhidmat di Port Dickson, beliau pernah menjadi ahli Kelab Rotary, ahli jawatankuasa masjid dan surau di sekitar Port Dickson ketika itu.

Akhirnya, sebelum beliau dilantik menjadi Undang Luak Jelebu bagi menggantikan Dato' Undang Abu Bakar yang mangkat sebelum itu, beliau mendapat anugerah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) Negeri Sembilan sekitar tahun 1975. Penjelasan daripada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan (1994) juga, beliau mendirikan rumah tangga pada 20 September 1961 dengan To' Puan Manoriah binti Ahmad Bidawi. Beliau dikurniakan tiga orang anak lelaki di samping dua orang anak angkat perempuan. Pada tarikh keramat 4 Februari 1980, beliau dijunjung oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari, Pesaka Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman sebagai Dato' Undang Luak Jelebu ke-15.

Menurut Ibrahim (2017), pelantikan Dato' Undang Luak Jelebu ke-15, Dato' Undang Musa sendiri menghadapi krisis, namun, tidaklah begitu lama. Krisis ini melibatkan antara Dato' Lembaga yang Lapan, turut mendapat campur tangan Mahkamah Persekutuan, Kerajaan Negeri, Dewan Keadilan dan beberapa pihak lagi ketika itu. Dalam isu tersebut juga dikatakan Dato' Rais Yatim turut campur tangan ketika itu bagi menyelesaikan krisis yang berlaku. Dato' Rais ketika itu Menteri Besar Negeri Sembilan turut berasal dari daerah Jelebu. Dinyatakan ada dalam kalangan Dato' Lembaga yang Lapan menarik diri dengan keluar daripada Persidangan Dato'-dato' Lembaga sebagai tanda protes pemilihan Dato' Undang Musa sebagai calon Undang ketika itu. Lantaran itu, calon-calon Dato'-dato' Undang dan Dato' Lembaga Adat yang Lapan yang melakukan sedemikian rupa, dianggap melanggar Adat, kemudiannya, ada di antara mereka yang dipecat. Selepas jawatan Dato'-dato' Lembaga diisi, setelah lengkap jawatan Dato' Lembaga yang Lapan, maka Waris Menteri Dato' Undang pun sudah ada, Dato' Waris di Perut Dato' Musa sebagai Tali Pesaka sudah dilantik dan lengkap, maka hanya menunggu pertabalan Dato' Undang Musa sahaja. Setelah selesai krisis di bahagian Dato'-dato' Lembaga, maka, pertabalan Dato' Undang Musa di Balai Undang Jelebu pun dilaksanakan.

Menurut Nazarudin (2016a; 2016b), tanggal 11 September 2014 merupakan tarikh kemangkatan Dato' Undang Musa. Beliau menemui Ilahi pada tahun tersebut. Maka, jawatan Undang Luak Jelebu mengalami kekosongan. Lantaran itu, kekosongan jawatan tersebut sebenarnya perlu diisi secepat mungkin. Pada hematnya, dalam Adat, selepas kemangkatan 100

hari Undang, maka pertabalan Undang yang baru mesti dilakukan. Akan tetapi, sejak kemangkatan Dato' Musa ini sehingga kini masih belum menemui jawapan dan penggantinya.

Menurut Abu Zarin (2017), selepas pertabalan Dato' Undang Musa sebagai Undang Luak Jelebu ke-15, tiada sebarang krisis berlaku bawah pemerintahan beliau. Pelaksanaan pemerintahan di Luak Jelebu berjalan dengan lancar. Dinyatakan juga, krisis mula berlaku di Luak Jelebu, sejak kemangkatan Dato' Undang Musa ini. Krisis paling awal berlaku setelah kemangkatan Dato' Undang Musa al-Haj. Sepatutnya, kemangkatan Dato' Undang Musa ini perlu dilaksanakan juga seumpama istiadat kemangkatan seorang raja kerana beliau juga merupakan Undang di Luak Jelebu.

### **SUMBANGAN DATO' UNDANG MUSA AL-HAJ KEPADA MASYARAKAT MAJMUK**

Sesungguhnya, setiap individu yang pernah suatu ketika diangkat oleh rakyat mahupun masyarakat ketika itu menjadi seorang pemimpin di dalam sesebuah kawasan itu, sudah tentu, individu tersebut mempunyai sumbangannya tersendiri sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Begitulah juga turut berlaku kepada Dato' Undang Musa al-Haj itu sendiri. Jika diteliti sebaik mungkin, Dato' Undang Musa al-Haji ini telah memerintah dan mentadbir Luak Jelebu lebih kurang selama 34 tahun. Perkiraan ini boleh dilihat dari bermulanya beliau ditabalkan sebagai Dato' Undang pada 4 Februari 1980 sehinggalah, beliau menemui pencipta-Nya pada tanggal 11 September 2014. Sesungguhnya jika dilihat secara logikal kognitifnya dalam tempoh pemerintahan tersebut, sudah tentunya banyak sumbangan beliau kepada masyarakat Luak Jelebu khususnya, amnya masyarakat Negeri Sembilan.

Antara sumbangan Dato' Undang Musa al-Haj ini boleh dilihat dari segi keagamaan. Sumbangan beliau ini boleh dilihat menerusi keterlibatan beliau dengan aktiviti Majlis Tilawah al-Quran (MTAQ) yang dilaksanakan setiap tahun. Beliau antara individu yang banyak menyumbang dana dan bantuan logistik untuk keperluan penganjuran aktiviti tersebut, peserta dan masyarakat setempat. Perkara ini sentiasa menjadi agenda tahunan kepada beliau untuk mencemar duli dengan turun padang bersama-sama masyarakat setempat sebagai memeriahkan lagi penganjuran aktiviti tersebut. Menurut Fendi (2019), kebiasaannya, apabila penganjuran MTAQ di peringkat daerah Jelebu dilaksanakan, majlis tersebut berlangsung selama satu minggu. Sepanjang tempoh penganjuran majlis tersebut berlangsung, pelbagai aktiviti turut dilaksanakan sama ada untuk warga sekolah mahupun orang awam juga terlibat sama. Antara aktiviti wajib dilaksanakan ialah pertandingan Tilawah al-Quran pelbagai kategori serta lapisan masyarakat, pertandingan Hafazan, Marhaban dan Berzanji, nasyid, seni khat dan lain-lain lagi. Pada dasarnya, aktiviti ini dilakukan pada siang hari hingga ke petang. Sebelah malamnya pula, masyarakat disajikan dengan alunan ayat al-Quran daripada qari, qariah yang bertanding sama ada di Dewan Besar Daerah Jelebu atau Padang Awam Daerah Jelebu ketika itu. Terdapat juga ceramah-ceramah agama dilakukan pada sebelah malamnya di lokasi yang disebutkan. Para penceramah, pendakwah, ahli motivasi terkemuka tanah air ketika itu pernah menjadi tetamu jemputan dalam majlis tersebut. Antara tokoh hebat yang pernah hadir iaitu Ustazah Masyitah, Ustazah Siti Nor Bahyah, Ustaz Wan Akashah, kumpulan Raihan, kumpulan Nada Murni, Ustaz Dzulkarnain, Ustaz Badlishah dan ramai lagi. Perkara ini sebagai tanda

pengimaranan serta untuk memeriahkan majlis tersebut. Dato' Undang pada kebiasaanya akan hadir sama serta merasmikan majlis tersebut.

Menurut Fendi (2019) lagi, pada setiap Jumaat pula, Dato' Undang Musa al-Haj akan sentiasa ke seluruh masjid yang terdapat di daerah Jelebu. Aktiviti ini dilakukan pada setiap minggu dengan adanya jadual yang telah disusun oleh pegawai istana serta pegawai agama Islam daerah Jelebu sebagai satu daripada aktiviti mingguan beliau. Terdapat lebih kurang 27 buah masjid di daerah Jelebu semasa era pemerintahan beliau. Bilangan masjid di daerah Jelebu ketika itu sekitar 27 buah masjid adalah berdasarkan catatan data dalam sebuah buku hasil bawah terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bertajuk, *Koleksi Masjid-masjid Negeri Sembilan* (Borhan, 1993). Antara 27 buah masjid di daerah Jelebu tersebut adalah Masjid Jamek Kuala Klawang, Masjid Jamek Simpang Durian, Masjid Kariah Amar Penghulu, Masjid Kariah bunga Tanjung dan Masjid Kariah Dato' Musa al-Haj Felda Titi itu sendiri. Antara Masjid yang pernah Dato' Undang Musa al-Haj perkenan rasmikan antaranya ialah masjid yang dialih tempat asalnya (Masjid Kariah Bunga Tanjung, Kampung Tembun, Kuala Klawang) sekitar tahun 1980 dan Masjid Kariah Dato' Musa al-Haj Felda Titi sekitar tahun 1983. Buku tersebut terbit dengan mendapat perkenan daripada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar, turut mendapat restu daripada Undang yang Empat (salah seorangnya adalah Dato' Undang Musa al-Haj) seperti mana saranan daripada tuan Pengarah JHEAINS ketika itu adalah Dato' Haji Muhammed bin Hj Hussein serta berkolaborasi bersama Dato' Mufti Kerajaan Negeri ketika itu, Dato' Hj Mohd Murtadza bin Hj Ahmad. Hal ini membuktikan Dato' Undang Musa al-Haj amat komited dengan dalam bidang keagamaan di Jelebu khususnya, amnya di Negeri Sembilan.

Walaupun begitu, pengamalan agama lain selain daripada agama Islam, tidaklah Dato' Undang Musa al-Haj larang dan kesampingkan. Bagi mereka yang beragama Buddha, Hindu, Kristian, pagan (segelintir orang asli) dan lain-lainnya bebas dianuti oleh pengikutnya dengan aman. Sekiranya ada di antara para penganut agama selain daripada agama Islam ditimpa musibah, bencana atau kecelakaan, beliau sendiri perkenan memberi bantuan. Bahkan, beliau sendiri bertanggungjawab memberikan bantuan tersebut seperti mana terdapat saranan dalam agama Islam sendiri, golongan *Zimmi*, ini wajib dibantu apabila mereka dalam musibah. Sebagai contoh, di daerah Jelebu, dalam 10 tahun sekali, akan berlakunya banjir besar. Banjir teruk di Jelebu pernah dicatatkan antaranya hujung tahun 1980 dan awal tahun 1981 (Fendi, 2019; Ibrahim, 2007b).

Seterusnya, dari sudut ekonomi tempatan juga, terdapat sumbangan daripada Dato' Undang Musa al-Haj sendiri. Suatu ketika, Malaysia pernah menerima kesan daripada kegawatan dan kemelesetan ekonomi sekitar tahun 1990-an. Akibat daripada keadaan tersebut, penduduk di Jelebu turut juga menerima kesannya, cumanya, masyarakat di Jelebu ketika itu tidaklah terasa sangat. Hal ini demikian kerana, sumber di Jelebu ketika itu, amat mewah dengan pertaniannya, hasil-hasil hutannya, sumber makanan segar berasaskan tanah mudah diperoleh. Walaupun keadaan ketika itu, agak teruk ekonominya, namun, masyarakat di Jelebu tidaklah berasa gelisah atas keadaan yang berlaku. Ditambah pula, bantuan untuk merancakkan ekonomi tempatan turut mendapat perhatian daripada Dato' Undang Musa al-Haj sendiri. Beliau turut juga memberi dana suntikan kepada kerajaan tempatan ketika itu untuk merangsangkan pergerakan ekonomi yang tidak menentu ketika itu. Hasilnya, beberapa tahun kemudian, keadaan ekonomi tempatan berada dalam keadaan stabil semula. Antara dapat dilihat

rancaknya ekonomi di Jelebu zaman pemerintahan beliau, adalah pengayaan eksport nenas ke luar kawasan selain Jelebu, getah, durian dan lain-lain lagi bersumberkan pertanian dan alam yang banyak ketika itu (Bharat, 2016). Ada juga mereka yang berjaya dalam perniagaan masing-mang sehingga boleh membuka cawangan baru di luar kawasan Jelebu seperti di Seremban, Bahau dan lain-lain lagi. Antara perusahaan yang boleh dilihat berjaya sehingga kini ialah perusahaan perabot oleh saudara Bharat dan perusahaan berdasarkan rotan oleh syarikat Titi Cane Sdn. Bhd. (saudara Chia antara terlibat usahakan).

Selain itu, dari sudut sosial dan budaya juga, Dato' Undang Musa al-Haj boleh dilihat juga sumbangannya. Setiap tahun, perayaan seperti sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Pesta Cahaya dan lain-lain turut disambut bersama masyarakat majmuk di Negeri Sembilan. Apabila perayaan atau pesta ini berlangsung, kebiasaannya, seluruh masyarakat majmuk di Jelebu dijemput hadir di Padang Awam Jelebu ketika itu bagi menjamu selera kepada rakyat serta bantuan kepada rakyat yang memerlukan turut diserahkan ketika itu. Beliau turut sama bersama rakyat beliau demi meriahkan sambutan tersebut. Di tambah pula sekitar tahun 1999, program Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999 (TMNS 99), ada dilaksanakan. Pada tahun tersebut juga, Jelebu turut mendapat tempias positifnya. Ramai pelancong glokal dan global turut memeriahkan program tahun tersebut. Hal ini juga telah merancakkan juga ekonomi kepada Negeri Sembilan khususnya, amnya Jelebu. Rata-rata yang hadir ke Negeri Sembilan khususnya, amnya Jelebu adalah amalan Adat Perpatih itu sendiri (Norasyikin, 2001). Dato' Undang Musa al-Haj, lagi memberi galakkan serta mengalu-alukan kepada pelancong serta penyelidik untuk hadir ke Jelebu dan Negeri Sembilan. Pernah dinyatakan, rombongan dari Sumatera Barat pernah hadir sama ke Jelebu, orang Minangkabau, orang Aceh, Batu Bara dan lain-lainnya, pernah bertandang serta bermalam di Kampung Gagu (kawasan Tan Sri Rais Yatim) dan Kampung Teriang kerana terdapat budaya yang menarik boleh didapati dan pelajari di kawasan tersebut antaranya Tarian Randai (Ibrahim, 2007b), Silat Pulut, Silat Kunci Belia (SIKUBI), Silat Cengkaman Singa (gelanggang beroperasi di Sekolah Tinggi Dato' Undang Musa al-Haj) (Ikhwan, 2013).

Selanjutnya, dari sudut pendidikan juga, Dato' Undang Musa al-Haj amat menitik beratkan kepada masyarakatnya. Beliau amat mengambil berat perihal pendidikan setiap keluarga masyarakat di Jelebu. Beliau berhasrat supaya tiada keciciran yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang beliau pimpin. Beliau amat mengambil berat terhadap kebajikan pendidikan setiap isi keluarga di Jelebu. Sebagai buktinya, beliau mengambil Sekolah Menengah Bandar Tinggi (SMBT) (Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa al-Haj, sekarang ini), sebagai sekolah angkatnya atau digelar sebagai ‘sekolah telapak’. Sebarang keperluan pendidikan di sekolah tersebut, beliau bersama-sama alumni atau alma mater sekolah tersebut, mengerah apa-apa sahaja seperti kewangan, makanan, keperluan belajar yang lain persis meja, tenaga, keringat dan sebagainya demi suasana kondusif pelajar di sana peroleh dan kecapi. Walaupun begitu, sekolah lain di sekitar daerah Jelebu tidaklah dilupakan juga. Beliau banyak juga membantu sekolah di sekitar Jelebu untuk mendapatkan fasiliti terbaik. Dahulunya, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa al-Haj, dikenali sebagai Sekolah Menengah Bandar Tinggi sekitar tahun 1968. Kemudian, apabila sekolah tersebut mempunyai pelajar tingkatan enam sekitar tahun 1981, nama sekolah ditukar kepada Sekolah Tinggi Dato' Undang Musa al-Haj (STDUMA) setelah tiga tahun kemudian. Setelah banyak sumbangan dan bakti beliau terhadap sekolah tersebut, sebagai penghargaan dan memuliakan beliau, pihak

kerajaan ketika itu berbesar hati memberi nafas baru kepada sekolah tersebut dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa al-Haj' (SMKDUMA) sekitar tahun 1997 sehingga kini. Perkara ini seperti tercatat dalam sejarah sekolah tersebut seperti dalam terbitan buku yang bertajuk *Dumarian 2018* (Pulaniappan, 2018). Hal ini membuktikan beliau amat komited dengan pendidikan anak bangsa bawah pimpinan beliau.

Selain itu, ketika era pemerintahan Dato' Undang Musa al-Haj ini juga, galakan dalam bidang akademik dan pembelajaran mendapat tempat pada diri beliau. Penerbitan makalah, kertas kerja, prosiding, buku dan lain-lain penulisan ilmiah mendapat sambutan dan galakkan. Beliau amat gembira apabila dalam kalangan rakyatnya ada yang suka buat penyelidikan berkaitan sejarah, budaya, sosial dan sebagainya terutamanya berkaitan dengan Jelebu. Beliau memberi sokongan yang amat jitu dalam usaha menjayakan kajian atau penyelidikan tersebut. Sebagai contoh, kajian Adat Perpatih amat dialu-alukan di daerah Jelebu (ARN/5, Sejarah Raja-raja dan Adat Istiadat Negeri Sembilan) diketengahkan serta mendapat tempat yang hebat ketika itu di Perpustakaan Awam Kuala Klawang. Pada dahulu, buku berkaitan *Sejarah Melayu*, hasil penulisan Shellabear serta sumber-sumber lain masih diterapkan dalam masyarakat ketika itu terutamanya di peringkat sekolah menengah dalam subjek Sejarah. Antara sumbangan terbesar dalam medan pendidikan atau akademik ini adalah berkaitan penghasilan, pengumpulan dan penerbitan makalah-makalah daripada individu hebat persis Khoo Kay Kim, Norhalim Ibrahim, Shamsul Amri Baharuddin ketika itu dan lain-lain lagi dalam sebuah karya yang bertajuk *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman* (Abdul Samad et al., 1994). Karya ini telah berjaya diterbitkan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan. Karya ini telah mendapat pengiktirafan daripada Paduka Seri yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Dato' Undang Berempat serta kerajaan yang memerintah ketika itu seperti Tuanku Ja'afar, Dato' Undang Musa al-Haj (Jelebu) sendiri, Dato' Undang Mubarak (Sungai Ujong), Dato' Undang Abdul Ali (Johol), Dato' Undang Sedia Raja Haji Adnan (Rembau), Yang Mulia Tunku Syed Idrus (Tunku Besar Tampin) dan ahli jawatankuasa lain juga. Dalam hal ini, membuktikan dalam dunia pendidikan atau akademik ini, beliau amat memberikan fokus yang mendalam dalam pembangunan medan pendidikan dan akademik ini.

Oleh yang demikian setelah dinilai daripada beberapa aspek berdasarkan rantai fakt-fakta di atas, secara tidak langsung pelaksanaan *Fiqh Ta'ayush* dalam masyarakat di Luak Jelebu telah berlaku. Sebagai kepada nilai kefahaman semua, apabila dalam sesebuah kawasan itu didiami dengan heterogen agama, bangsa, budaya dan lain-lainnya, ini bermakna ulama dan umara ketika itu sebagai pemimpin dan pemerintah ketika itu perlu bijaksana dengan memahami konsep *Fiqh Ta'ayush* itu sendiri. Lantaran itulah, apabila pemahaman ini difahami dan dihayati dengan sebenarnya, kemudiannya pengimplementasiannya berlaku dengan baik, barulah, impaknya memberikan kehidupan bermasyarakat ketika itu aman dan harmoni. Sebaliknya, jika konsep *Fiqh Ta'ayush* ini kurang difahami atau hanya sekadar dipandang enteng, maka berlakulah perkara di sebaliknya yang tidak diingini oleh semua dalam masyarakat (Mushaddad & Azmul Fahimi, 2017).

Menurut pandagan daripada Mushaddad dan Azmul Fahimi (2017), aksara *ta'ayush* diambil daripada perkataan asal dalam bahasa Arab *al-'aysh* (العيش) yang membawa makna *al-hayah* (الحياة) iaitu kehidupan. Bagi perkataan *ta'ayush* membawa maksud kehidupan bersama antara pelbagai kaum yang berbeza agama, budaya dan cara hidup. Oleh itu, dalam kerangka

yang lebih luas, *ta 'ayush* bererti hidup bersama dengan orang lain dalam satu komuniti yang dilandasi dengan semagat kasih sayang, saling memahami, saling mempercayai antara satu sama lain, menerima kepelbagaian, mempunyai semangat toleransi yang tinggi, dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Sejajar dengan itu, konsep *ta 'ayush* sebenarnya, merujuk kepada Islam sebagai agama yang universal yang membawa rahmat kepada umat manusia sejagat. Seperti mana pandangan yang dilontarkan oleh Mushaddad dan Azmul Fahimi (2017), Islam amat menekankan kepada aspek keadilan yang merupakan asas kepada keamanan dan keharmonian. Islam juga amat menekankan kepada aspek toleransi yang menjadi asas kepada kehidupan bersama yang positif tanpa mengira bangsa, warna kulit, dan agama, Hal ini berteraskan kepada konsep manusia berasal daripada keturunan yang satu, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa':

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَحْدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي شَاءَ لَوْنَ  
بِهِ وَالْأَرْضَ حَمَّ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Mafhumnya: Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.

Sehubungan itu, umat Islam adalah contoh kepada manusia sejagat yang amat menekankan kepada keadilan, kesederhanaan, keseimbangan dan kecemerlangan.

Di samping itu, Islam turut meraikan aspek kesalingan antara satu dengan yang lain dalam kehidupan walaupun berbeza agama, bangsa atau budaya. Kepelbagaian ini harus diamati sebagai suatu kelebihan dalam menonjolkan bahawa Islam sebagai rahmat untuk semua dan bukan sebaliknya (Mushaddad & Azmul Fahimi, 2017). Islam membawa perdamaian bukannya permusuhan, Islam agama yang *wasatiyyah* bukannya agama liberal atau ekstrem. Justeru itu, terdapat beberapa aspek yang menjadi akar tunjang dalam konteks meraikan kepelbagaian atau pendidikan *ta 'ayush* ini sepertimana yang terdapat dalam ajaran Islam. Prinsip tersebut adalah keadilan, kebebasan beragama, saling tolong menolong kepada kebaikan, saling hormat menghormati serta menjaga hak dan meraikan keluasan fiqh Islam itu sendiri. Natijahnya, perkara ini membuktikan bahawa pengimplentasian *fiqh ta 'ayush* telah berlaku dalam masyarakat di Jelebu secara tidak langsung. Oleh kerana kebijaksanaan ulama dan umara di Jelebu ketika itu, masyarakatnya hidup dalam harmoni.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, individu atau tokoh yang telah disebut serta dibincangkan tersebut telah banyak sumbangannya terhadap masyarakat atau rakyat bawah pimpinan beliau. Sesungguhnya, Dato' Undang Musa al-Haj ini banyak sumbangannya kepada rakyat yang menetap di Luak Jelebu. Apabila diteliti semula, sumbangan beliau ini sebenarnya lebih banyak dan luas, cumanya, dalam penulisan kali ini, sumbangan beliau hanya diketengahkan kepada beberapa aspek iaitu aspek keagamaan, aspek sosial dan budaya serta aspek pendidikan. Oleh

demikian, pada dasarnya, suatu nikmat dan rahmat yang besar kepada sesebuah masyarakat itu apabila dikurniakan pemimpin yang baik, prihatin, mempunyai nilai kasih sayang yang tinggi, bersikap toleransi, mengambil berat terhadap rakyatnya. Perkara ini berlaku demi menjamin kehidupan bermasyarakat dalam sesebuah komuniti yang harmoni, aman, nilai kehidupan yang kondusif dirasai bersama apabila kehidupan masyarakat majmuk itu mampu berjalan tanpa sebarang kekacauan atau perbalahan. Oleh itu, sebagai manusia yang hidup dalam masyarakat majmuk haruslah bersyukur dengan nikmat yang telah dianugerahi sebegini. Lantaran itu, semua lapisan masyarakat tidak kiralah sama ada golongan muda, golongan tua, orang kaya, miskin dan sebagainya haruslah bersinergi dalam apa-apa jua keadaan dan aspek demi mengecapi kehidupan yang lebih baik untuk masa kini serta di masa hadapan.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Galakan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GGP-2019-013.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Shamaruddin. (1959). Undang Luak Jelebu: Adat Pertabalan. *Bahasa*. 2(1): 12.
- Abdul Ghani Shamaruddin. (1964). Lain Padang, Lain Belalang, *Dewan Masyarakat*. Mac: 16.
- Abdul Samad Idris et al. (pnyt.). (1994). *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Abdul Samad Idris. (1968). *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Samad Idris. (1974). Kemurnian dalam Adat Perpatih. Dlm. *Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih*, hlm. 6-18. Seremban: Majlis Belia Negeri.
- Abu Zarin. (2017). Alat rakaman. Jelebu. Temu bual, 2 Julai.
- ARN/5, Sejarah Raja-Raja dan Adat Istiadat N.S, KNS 929.7095 95117 SEJ
- Bharat Kumar Maghjie. (2020). Alat Rakaman. Kuala Klawang. Temu bual 28 Januari.
- Borhan Hashim (sunt.). (1993). *Koleksi Masjid-masjid Negeri Sembilan*. Seremban: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Caldecott, A. (1912a). *Jelebu, Its History and Constitution*. Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press.
- Caldecott, A. (1912b). *Jelebu, Sri Menanti, Johol Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Direction of the Committee for Malay Studies, F.M.S.
- Dharmala. N.S. (1994). *Sejarah Penerokaan Luak Jelebu: Persemendaan Orang Minangkabau*. Negeri Sembilan: Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan.
- Efendi Kasim. (2020). Alat rakaman, Jelebu. Temu bual 31 Januari.
- Efendi Kasim. (2020). Temu bual oleh pengarang. Alat rakaman. Jelebu. 28 Februari 2020.
- Gullick, J.M. (1970). *Sistem politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hooker, M.B. (1968). The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State. *The American Journal of Comparative Law* 16(3): 415-429.

- Ibrahim Harun. (2007a). Dato' Undang Jelebu. Kertas Kerja Majlis Kunjungan Hormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Kawasan Jelebu (PSMCNSKJ) Ke Balai Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu. Balai Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu. 22 Mei.
- Ibrahim Harun. (2007b). Kehandalan Pendekar Bilal Ismail, Pengawal Peribadi Undang Dato' Syed Ali (Undang Jelebu). Kertas Kerja Majlis Kunjungan Hormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Kawasan Jelebu (PSMCNSKJ) Ke Balai Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu. Balai Yang Teramat Mulia Undang Luak Jelebu. 22 Mei.
- Ibrahim Harun. (2008). Sejarah Ringkas Dato' Undang Syed Ali Al-Jufri. Kertas Kerja Persidangan Sejarah Jelebu. Simpang Gelami, Jelebu. 1 Mei.
- Ibrahim Harun. (2015). Dato' Lembaga dalam Institusi Adat Luak Jelebu. Kertas Kerja Kursus Peranan Ibu Soko, Buapak dan Dato' Lembaga Dalam Institusi Adat Luak Jelebu. Muzium Adat, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan. 15 Jun.
- Ibrahim Harun. (2017). Alat rakaman. Jelebu. Temu bual, 1 Julai.
- Ibrahim Mustapa. (1981). Sejarah Ringkas Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan. *Warisan*, hlm. 12.
- Ikhwan Shahid Ibrahim. (2013). Alat Rakaman, Kuala Klawang. Temu bual, 10 Julai.
- Jawatankuasa Penyelidikan Negeri Sembilan. (1994). *Jelebu. Sejarah, Perlembagaan, dan Adat Istiadatnya*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairudin Abbas. (1985). Institusi Undang Luak Jelebu: Kajian terhadap perkembangannya dan analisis ke atas krisis perlantikan Undang Jelebu 1980. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lewis, D. (1960). Inas: A Study of Local History. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 33(1): 65-94.
- Misran Sharip. (1990a). *Institusi Dato' Bandar Sungai Ujong: Analisa Terhadap Krisis Pelantikan*. Seremban: Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.
- Misran Sharip. (1990b). Institusi Dato' Bandar Sungai Ujong: Analisa Terhadap Krisis Pelantikan. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Iqbal Haq Ibrahim. (2017). Sejarah Perkembangan Institusi Undang Luak Jelebu dan Krisis Pelantikan Undang Luak Jelebu Ke-16. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mushaddad Hasbullah & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2017). Melestarikan *fiqh ta'ayush* dalam konteks wasatiyyah Malaysia. *Prosiding Seminar Wasatiyyah dalam Pembangunan Malaysia: Kesefahaman dan Kebersamaan Pemacu Kerukunan Negara*, hlm. 126-135.
- Nazarudin Shahari. (2016a). Menanti kesudahan isu Undang Luak Jelebu. *Utusan Malaysia*, 29 April.
- Nazarudin Shahari. (2016b). Saya masih pemangku Undang Luak Jelebu. *Utusan Malaysia*, 5 April.
- Newbold, T.J. (1971). *British Settlement in The Straits of Malacca*. Vol. 11. Singapura: Oxford University Press.

- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors.
- Nordin Selat. (1982). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Ed. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor.
- Pulaniappan Kumar (pnyt.). (2018). *DUMARIAN 2018*. Kuala Klawang: Penerbit Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa al-Haj.
- Wan Hamdi Wan Sulaiman et al. (2016). Sistem Federalisme dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kertas Kerja Perbincangan Meja Bulat, Federalisme Malaysia: Isu Hak Negeri. Bangi Putrajaya Hotel, Bangi. 14 April.
- Wilkinson, R.J. (1971). *Notes on Negeri Sembilan: Papers on Malay Subject*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.